




Khutbah Jumaat 2 Disember 2022M / 7 Jumadal Ula 1444H: "Azan dan Kefardhuan Solat"
Jabatan Agama Islam Selangor

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK;
AZAN DAN
KEFARDHUAN SOLAT**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"AZAN DAN KEFARDHUAN SOLAT".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ

2

فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ دَلِيلَكُمْ حَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠﴾

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dapat keredaan-Nya di dunia dan diakhirat.

5

Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah "**“AZAN DAN KEFARDUAN SOLAT.”**

6

Seruan Azan sebelum mendirikan solat mula disyariatkan ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Hal ini berdasarkan Firman Allah SWT ayat 9 surah al-Jumuah yang telah dibaca permulaan khutbah ini. Ia bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkan berjual beli (pada saat itu) yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hikmah yang sebenarnya)."

7



Hal ini diperkuuhkan lagi dengan hadis daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ

8

"Apabila sampai waktu solat, maka hendaklah azan seorang dari kamu"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Imam al-Nawawi Radiallahuanhu menyatakan bahawa seruan azan mengandungi beberapa hikmah, antaranya;

- i. Memberi tahu akan masuk waktu solat.
- ii. Memberi tahu tempat solat, dan
- iii. Memanggil untuk solat berjemaah.

9

Orang yang mendengar seruan azan disunatkan menjawab seperti yang diucapkan oleh Muazzin. Hadis daripada Abi Said al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ النِّدَاءَ، فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ

10

"Apabila kamu mendengar akan seruan (azan) maka kata olehmu seumpama apa yang dikata oleh muazzin."

(Riwayat al-Bukhari).



Menurut Imam al-Syafie didalam kitab Al-Umm menyatakan amat disukai mereka yang menyahut seruan azan walau dimana mereka berada, sama ada dalam keadaan suci atau berhadas. Kecuali jika dia berada didalam tandas. Pahala sunat bagi mereka mengucapkan seperti yang disebut oleh Muazzin, dan juga pada seruan حَيْ عَلَى الْفَلَاحِ dijawab dengan لا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ العَلِيِّ الْعَظِيمِ.

11

Kita juga akan diberikan kelebihan dan ganjaran daripada Allah SWT apabila menjawab seruan azan dan berdoa selepasnya sebagaimana dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Saad bin Abi Waqqas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“*Sesiapa yang mendengar muazzin melaungkan azan kemudian membaca أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَضِيَتْ بِاللَّهِ رَبِّيَا وَيَمْحَقُ دِينَ رَسُولِهِ وَيَمْحَقُ دِينَ اَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَضِيَتْ بِاللَّهِ رَبِّيَا* akan diampunkan dosanya.”

12

(Riwayat Muslim).

Menurut Para Ulama, orang yang benar-benar beriman apabila mendengar panggilan azan, hatinya akan gementar dan takut, terbayang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT, segera menyahut seruan tersebut dan meninggalkan sementara urusan dunianya untuk sujud mengadap Allah SWT.

13



Berbeza dengan mereka yang tertutup hatinya dan jauh dari hidayah Allah SWT, suara azan tidak sedikit pun mengetuk pintu hatinya untuk memenuhi panggungan Ilahi, ibarat kata masuk telinga kanan keluar telinga kiri, hatinya tertutup dari inayah Allah SWT. Mereka ini dikatakan orang yang sombong dan lupa kepada Allah SWT.

14

Orang yang prihatin tentang tanggungjawabnya kepada Allah SWT, mereka sedia menunggu solat sebelum azan dikumandangkan. Sebagai contoh; kisah Saad bin al-Musayyab, seorang ulama tabiin, ketika hampir ajalnya, datang anak perempuannya menangis disampingnya. Dengan keadaan lemah, Saad berkata; "Wahai anakku, Jangan kamu menangis. Demi Allah, selama 40 tahun ini, tidak pernah seorang melaungkan azan, melainkan ayah sudah berada di masjid." Maksudnya; Saad sudah berada dalam masjid sebelum azan, bersedia untuk menunaikan solat secara berjamaah.

15

Suara azan juga, mengingatkan kita supaya jangan mencuaikan ibadah solat, kerana solat adalah ibadah pertama yang akan ditanya kepada kita di padang Mahsyar kelak. Apakah kita di dunia menunaikan solat atau tidak? Apakah solat kita mengikut rukun dan syarat-syarat sahnya? Apabila solat itu diterima oleh Allah SWT, maka akan diterima amalan kita yang lainnya. Sebaliknya apabila solat itu ditolak, akan ditolak semua amal ibadah lainnya. Demikianlah pentingnya solat itu.

16



Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Namir bin Salamah bahawa Rasulullah bersabda:

أَوَّلُ مَا يُسْأَلُ عَنْهُ الْعَبْدُ يُسْأَلُ عَنْ صَلَاتِهِ، فَإِنْ تُقْبَلَتْ مِنْهُ تُقْبَلَ
مِنْهُ سَائِرُ عَمَلِهِ، وَإِنْ رُدَّتْ عَلَيْهِ رُدُّ عَلَيْهِ سَائِرُ عَمَلِهِ

17

"Soalan pertama yang akan ditanya kepada seorang hamba (manusia tentang amalannya pada hari kiamat), ialah ibadah solat. Jika solatnya diterima (oleh Allah), maka akan diterima seluruh amalannya, dan jika solatnya ditolak (oleh Allah), maka akan ditolak seluruh amalannya".

18

(Riwayat Ibnu Abi Syaibah).

Ini bermakna, sekalipun seseorang itu sempurna puasanya, banyak zakatnya, sempurna hajinya, selalu bersedekah menolong fakir miskin, berjasa kepada masyarakat dan negara, tetapi jika tidak mendirikan solat lima waktu, maka seluruh amalannya tidak dapat menjadi bekalan untuk menolongnya pada hari akhirat kelak.

19

Marilah kita memuhasabah diri. Tanyalah kepada diri kita sendiri, apakah yang kita dapat dari solat itu? Sudah berapa lama kita melakukan solat? adakah kita khusyuk ketika menunaikan solat? Apakah solat kita itu mampu mencegah perbuatan keji dan munkar? Sejauh manakah sempurnanya solat isteri dan keluarga yang menjadi tanggungjawab kita. Persoalan ini perlu kita ambil perhatian supaya kita dan seluruh ahli keluarga tergolong dalam kalangan ahli syurga diakhirat kelak

20



Hadis daripada Jabir Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشَّرِكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

“Sesungguhnya antara seorang lelaki, kesyirikan dan kekufuran itu ialah pada meninggalkan solat.”

21

(Riwayat Muslim).

Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'arij ayat 19-27 yang bermaksud:

“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil kedekut, kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya, dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum, bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta), dan mereka yang percayakan hari pembalasan (dengan mengerjakan amal-amal yang soleh sebagai buktinya). Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhan.”

22

Berdasarkan ayat ini, kelebihan solat dapat menghilangkan perasaan resah gelisah dan sikap bakhil kedekut. Oleh itu, janganlah solat ditinggalkan kerana solat dapat memberikan ketenangan jiwa dan menghapuskan penyakit hati.

23



Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita hayati saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah mendengar dan menjawab seruan azan serta melaksanakan ibadah solat dengan ikhlas dan khusyuk.
2. Umat Islam hendaklah menyedari, bahawa ibadah solat adalah perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan dalam apa jua keadaan.
3. Umat Islam hendaklah mendirikan solat dengan sebenar-benarnya bukan semata-mata melepaskan kewajipannya menunaikan solat.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa memastikan diri dan keluarganya istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah SWT terutama ibadah solat.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَنِتِينَ ﴿٢٨﴾

25

"Peliharalah segala solat (mu), dan (peliharalah) solat wusthaa. Berdirilah kerana Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk."

26

(al-Baqarah : 238).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا إِيَّاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

7

وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

8

وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

17



Ya Allah! Hindarilah kami daripada semua musibah dunia dan siksaan akhirat. Selamatkan kami daripada malapetaka alam seperti bencana bah dan banjir besar yang sering melanda kami. Sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa atas segala sesuatu, Ya Allah.

18

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

19

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

20

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

21

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

22